



MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN RTBB TAHUN 2007 DAN PROGRAM KHAS RISDA NEGERI SEMBILAN

UCAPAN ALUAN

**YG.BHG. TN. HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD,
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN & KORPORAT)RISDA**

DEWAN SRI PINANG, PEJABAT RISDA NEGERI,
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
9 SEPTEMBER 2008
10.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin
Hj.Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Yang Berhormat Datuk Hasim bin Rusdi
Pengerusi J/Kuasa Bertindak Pembangunan Luar Bandar, Hal
Ehwal Pengguna dan Kemudahan Awam

Yang Dihormati Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Dato' Borhanudin
Pengarah RISDA Negeri Sembilan

Ketua-Ketua Jabatan KEMAS, JHEOA, FELCRA

En. Kamal Amran bin Kamarudin
Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan peserta Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB), Tanam Semula Komersial (TSK) serta pekebun kecil yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Penyampaian Dividen RTBB Tahun 2007 dan Program Khas

3

RISDA Negeri Sembilan Darul Khusus. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini. Sokongan yang

4

ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri akan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasakan pekebun kecil dan sama-sama membantu negara mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, InsyaAllah.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua dif-dif jemputan ke Majlis ini . Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah keseluruhannya.

5

Tidak lupa juga kepada semua peserta RTBB, TSK serta pekebun kecil dari seluruh Negeri Sembilan dan pastinya Majlis pada hari ini memberi pengertian yang cukup besar kepada RISDA khususnya dalam meningkatkan dan memperbaiki taraf hidup pekebun kecil di Negeri Sembilan, khasnya kearah mensasarkan pendapatan melebihi RM 2000 sebulan sekeluarga.

2.0 SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH PUASA

Di bulan Ramadhan yang penuh berkat ini, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Menjalankan Ibadah Puasa kepada semua muslimin dan muslimat. Semoga amal

6

ibadah yang kita lakukan diterima oleh Allah S.W.T. kelak, InsyaAllah.

3.0 TUJUAN MAJLIS

Tujuan RISDA mengadakan Majlis ini pada hari ini adalah untuk menyampaikan keuntungan terkumpul RTBB bagi tahun 2007 dan juga dividen TSK bagi tempoh Januari-Julai 2008 bagi Negeri Sembilan. Juga penyampaian zakat kepada fakir miskin di kalangan pekebun kecil Negeri Sembilan.

7

4.0 PEMBAYARAN DIVIDEN RTBB DAN TSK

RTBB ditubuhkan bagi membantu golongan pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang daripada 7 ekar untuk menambah keluasan yang dimiliki. Skim ini yang dilaksanakan mulai tahun 1974 memberi peluang kepada pekebun kecil yang memiliki tanah sebelum 31 Disember 1970 menggunakan hak kelayakan Tanam Baru mereka untuk menyertai Ladang RTBB yang dibangunkan.

Bagi tahun 2007, pihak RISDA akan menyampaikan dividen yang bernilai **RM 41,322,650.00 (41.3 juta)** khusus bagi **13,986 orang** peserta dengan keluasan lebih kurang **41,322.65 hektar**. Purata bayaran dividen adalah **RM2,954.57** bagi setiap peserta.

8

Bagi **Negeri Sembilan**, sejumlah **RM4,640,250.00** keuntungan terkumpul RTBB akan diberikan kepada **1,702** orang peserta. Pada hari ini, seramai **350** orang peserta akan menerima dividen iaitu 150 orang dari Negeri Sembilan Barat, 100 orang dari Negeri Sembilan Timur dan 100 lagi dari Negeri Sembilan Selatan. Selain daripada itu, sejumlah **RM 4.126 juta dividen TSK Negeri Sembilan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2008** akan juga diberikan kepada seramai 2,162 orang peserta 45 projek TSK dengan keluasan **2,647 hektar** . Pada hari ini, 2 orang wakil akan menerima dividen ini.

9

5.0 PEMBAYARAN BANTUAN ZAKAT

RISDA Negeri Sembilan juga telah mengambil inisiatif untuk memberi zakat kepada 50 orang fakir miskin yang telah ditentukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Pembayaran Zakat sejumlah RM 10,000 ini adalah sumbangan Anak-Anak Syarikat RISDA iaitu pada kadar RM200 seorang. Pada hari ini, seramai 10 orang akan menerima zakat ini.

6.0 PENUTUP

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar

ucapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Dato' Borhanudin, Pengarah RISDA Sembilan serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

11

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

12